

08 JUL 1996

Yong-PBRS

YONG TOLAK CADANGAN LANJUTKAN TEMPOH PENGGAL DEWAN UNDANGAN

KOTA KINABALU, 8 Julai (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee hari ini menolak cadangan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) untuk melanjutkan tempoh penggal Dewan Undangan Negeri sekarang dari lima kepada enam tahun.

Yong yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN) Negeri berkata perkara itu tidak dinyatakan dalam undang-undang, berdasarkan ilmu hukum ia tidak boleh dilaksanakan.

"Mandat kita ialah untuk lima tahun dan kita tidak boleh melanjutkan tempoh pemerintahan kita sendiri. Setelah dipilih untuk tempoh lima tahun, kita tidak boleh menyambung sendiri, ia tidak boleh dilakukan dan tidak harus dilakukan," katanya.

Yong mengulas isu itu yang merupakan antara lima resolusi diluluskan oleh PBRS pada mesyuarat agungnya di Keningau yang berakhir semalam.

PBRS yang dikuasai Kadazandusun mencadangkan pindaan itu untuk menyelaraskan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri setiap dua tahun di kalangan pemimpin tiga kaum -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam.

Mengenai cadangan itu, Yong berkata penggiliran jawatan berkenaan yang selepas ini akan diserahkan kepada pemimpin Kadazandusun masih boleh dilaksanakan tanpa perlu melanjutkan tempoh lima tahun kerajaan.

"Penggiliran masih boleh berjalan, habis lima tahun kita adakan pilihan raya dan Ketua Menteri itu boleh lanjut tempohnya lagi satu tahun, ia masih boleh dijalankan walaupun diadakan pilihan raya di antara tempoh itu," katanya selepas melancarkan buku bertajuk "Kinabalu - Summit of Borneo" oleh Persatuan Sabah di sini hari ini.

Mengikut sistem penggiliran sekarang - idea Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad - tempoh Yong memegang jawatan akan berakhir pertengahan tahun 1998 tetapi ketika itu pilihan raya negeri boleh diadakan bila-bila masa kerana Dewan Undangan harus dibubarkan menjelang Februari 1999.

Presiden PBRS Datuk Joseph Kurup yang kini Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Pembangunan Sumber dan Perusahaan negeri adalah calon terdekat untuk giliran jawatan itu. -- BERNAMA

KG RON